



## KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM) / Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (KKM) / Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT MENGAMBIL DOKUMEN	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
KERJA-KERJA RAWATAN PEMBASMIAN ANAI-ANAI  SEPERTI DI LAMPIRAN A	1-SSM 2-KKM & KOD 220901 3-SIJIL JABATAN PERTANIAN MALAYSIA 4-PENYATA BANK	UNIT PEMBANGUNAN, TINGKAT 1, JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN K.L, PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN, 50604 KUALA LUMPUR.	SEPERTI DI LAMPIRAN A	18.04.2019 PADA PUKUL 12.00 TENGAH HARI.

1. Bagi **Kerja-Kerja Rawatan Pembasmian Anai-Anai** Kontraktor yang layak diminta untuk membawa bersama **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM), Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (KKM) Kod 220901 & Mempunyai Sijil Pengendali / Pemakai yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian** semasa sesi lawatan tapak; dan

(Menghantar wakil syarikat/wakil pengurus dan salinan sijil/dokumen adalah **tidak dibenarkan sama sekali**).

2. Kontraktor yang layak dan menghadiri taklimat sahaja dibenarkan untuk mengambil Dokumen Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga boleh diambil bermula selepas hari taklimat / lawatan tapak diadakan di Aras 1, Unit Pembangunan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kontraktor mestilah membawa **Sijil Asal** seperti syarat-syarat pendaftaran serta **Borang Pengesahan Lawatan Tapak** yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini semasa mengambil Dokumen Sebut Harga.
3. Kontraktor yang **tiba lewat** daripada masa yang telah ditetapkan (selepas taklimat lawatan tapak bermula) akan dikenakan tindakan seperti berikut :-
  - 3.1 **Tidak dibenarkan memasuki bilik / dewan tempat taklimat lawatan tapak disampaikan;**
  - 3.2 **Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini di Sekolah berkenaan; dan**
  - 3.3 **Telah tidak memenuhi dan mematuhi syarat-syarat asas bagi kontraktor yang menyertai tawaran Sebut Harga yang dibuka ini.**
4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat, dilakri atau digamkan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di Aras 1, Unit Pembangunan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atas nama :

**Pengarah Pendidikan,  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,  
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin,  
50604 Kuala Lumpur.  
(u.p.: Unit Pembangunan)**

5. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana Dokumen Sebut Harga yang dihantar secara pos.
6. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak terikat menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa tutup sebut harga seperti yang ditetapkan akan ditolak atau tidak akan diterima.



.....  
**(HJ. ISMAIL BIN MUSA)**

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur.

Tarikh: 9 April 2019

TARIKH DAN MASA LAWATAN TAPAK SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT
JPNWP/KEW.0039/2019	KERJA-KERJA RAWATAN PEMBASMIAN ANAI-ANAI DI SK TAMAN SRI SINAR, SK SG.BESI, & SK TAMAN MIDAH 2, KUALA LUMPUR	TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS) MASA PENDAFTARAN: 11.30 AM - 12.00 PM MASA TAKLIMAT : 12.00 PM  TEMPAT: SK TAMAN SRI SINAR